

# KUiTTHO

## umum lantikan baru

KOLEJ Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO), Batu Pahat, Johor baru-baru ini mengumumkan tujuh pelantikan baru bagi menerajui jabatan-jabatan sedia ada dan jabatan baru yang diwujudkan.

Pelantikan ini melibatkan dua jawatan timbalan pengarah, empat jawatan ketua jabatan dan satu jawatan ketua pusat.

KUiTTHO dalam kenyataannya baru-baru ini memaklumkan, pensyarah di Fakulti Kejuruteraan yang juga penyelidik di Pusat Penyelidikan, Perundingan dan Pengajian Berterusan, **Prof. Madya Dr. Lee Yee Loon** dilantik menjadi Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan di pusat yang sama.

Pensyarah di Fakulti Teknologi Kejuruteraan, **Dr. Noraini Kaprawi** dilantik menjadi Timbalan Pengarah Pengajian Bertetusan di pusat yang sama.

Kedua-dua pelantikan ini adalah untuk tempoh dua tahun berkuat kuasa 1 Oktober lalu.

Sementara itu, bagi jabatan baru yang diwujudkan di bawah Fakulti Pengurusan Teknologi, KUiTTHO telah melantik **Abdul Talib Bon** sebagai Ketua Jabatan Pengurusan dan Teknologi.

Abdul Talib sebelum ini adalah Ketua Pusat Perkhidmatan dan Pembangunan Pelajar yang kini ditukar namanya kepada Pusat Kaunseling dan Pembangunan Pelajar.

Seorang pensyarah di Fakulti Pengurusan Teknologi, **Abdul Ghafar Abdul Rahman** dilantik sebagai Ketua Jabatan Pengurusan ISO di Bahagian Pengurusan Kualiti dan Perancangan Korporat.

Selain itu, pelantikan baru ini juga melibatkan **Dr. Ahmad Zaidi Johari** sebagai Ketua Pejabat Penerbit dan **Danial Md. Nor** sebagai Ketua Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.